

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.3/1990

Jawatankuasa Ubat-ubatan Negeri/Institusi/Hospital

Saya merujuk kepada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil.4/83 bertarikh 16hb Ogos 1983 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.8/1986 bertarikh 17hb April 1986 berkenaan dengan perkara tersebut diatas.

2. Kementerian Kesihatan telah mempertimbangkan maklumbalas-maklumbalas dari laporan-laporan Jawatankuasa-Jawatankuasa Ubat-ubatan Negeri/Institusi dan Hospital pada masa yang lepas dan juga cadangan-cadangan Persidangan Pakar-pakar Perubatan baru-baru ini dan memutuskan beberapa perubahan seperti berikut:-

(i) Keanggotaan Jawatankuasa Ubat-ubatan Negeri hendaklah merangkumi ahli-ahli berikut:-

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan - Pengerusi
Timbalan-Timbalan Pengarah - Ahli
Pengarah Pergigian - Ahli
Pengerusi Jawatankuasa Perolehan Ubat-ubatan Hospital Besar - Ahli
Pakar Perunding Perubatan yang terkanan - Ahli
Pakar Perunding Pembedahan yang terkanan - Ahli
Pakar Perunding Perbidanan dan Sakitpuan yang terkanan - Ahli
Pegawai Farmasi Negeri - Setiausaha

jika perlu pakar-pakar dan pegawai-pegawai lain boleh dijemput hadir bagi maksud-maksud tertentu.

(ii) Penggunaan-ubat-ubatan dan pola preskripsi (drug utilisation and prescribing trends) hendaklah dimasukkan dalam agenda mesyuarat Jawatankuasa ubat-ubatan di peringkat negeri dan juga di peringkat hospital.

(iii) Mesyuarat Jawatankuasa Ubat-ubatan disemua peringkat diadakan sekurang-kurangnya tiap-tiap tiga bulan sekali.

3. Satu salinan minit mesyuarat hendaklah dikemukakan seperti berikut tidak lewat dari sebulan selepas tarikh mesyuarat:-

(i) Minit mesyuarat Jawatankuasa Ubat-ubatan peringkat negeri/institusi kepada Pengarah Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

(ii) Minit mesyuarat Jawatankuasa Ubat-ubatan peringkat hospital kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri yang berkenaan.

4. Sila pastikan bahawa kandungan pekeling ini dibawa ke pengetahuan semua pegawai yang berkenaan.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

DATO' (DR) ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia